

RAHILAH OMAR, KHAZIN MOHD. TAMRIN,
NORDIN HUSSIN DAN NELMAWARNI

SEJARAH KEDATANGAN MASYARAKAT BUGIS KE TANAH MELAYU: KAJIAN KES DI JOHOR

Sejak zaman berzaman orang Bugis cenderung keluar dari kampung halamannya untuk mencari kehidupan dan petempatan baru. Amalan seperti ini disebut sebagai merantau dalam masyarakat Melayu. Kegiatan merantau telah menjadikan hubungan sejarah, ikatan darah dan tali temali kebudayaan yang sangat erat sepanjang sejarahnya antara masyarakat Bugis dengan Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan orang Bugis ke Tanah Melayu telah berlaku sekurang-kurangnya sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Pada abad ke-17 sudah terdapat pemukiman orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu, namun kedatangan mereka dalam jumlah yang besar berlaku pada kolonial Inggeris khususnya suku akhir abad ke-19. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu berterusan sehingga sekarang. Meskipun jumlah populasi mereka tidak dapat diketahui dengan tepat kerana kekurangan sumber bertulis dan lisan yang begitu ketara, namun kehadiran mereka dapat dilihat majoritinya di dua buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Johor dan Selangor. Di Johor, peranan mereka sebagai peneroka hutan dan pembina petempatan luar bandar adalah antara aspek penting yang membentuk persejarahan negeri Johor. Kewujudan masyarakat Bugis dapat dikesan di beberapa petempatan yang masih kekal hingga sekarang. Mereka tersebar di beberapa buah kampung dalam mukim-mukim di Johor seperti Benut, Sungai Karang, Serkat, Ayer Masin, Ayer Baloi, Sungai Pinggan, Jeram Batu, Sungai Kluang, Minyak Beku, Sungai Punggur, Pengerang, Muar, Gelang Patah dan sekitar Pekan Nenas. Bahkan ada beberapa buah kampung yang majoriti penduduknya adalah masyarakat Bugis. Kampung Parit Makkuaseng ialah salah sebuah kampung di mukim Benut, Pontian, 90% penduduknya adalah terdiri daripada masyarakat Bugis. Kampung Lepau di Pengerang 100% penduduknya terdiri daripada masyarakat Bugis. Sejak dari awal kedatangan masyarakat Bugis ke Semenanjung Tanah Melayu, khususnya ke Johor, mereka telah berjaya menempatkan nama suku mereka dalam sejarah tempatan, sehingga kewujudan masyarakat Bugis di Johor dapat dikatakan lebih menonjol daripada etnik lainnya.

Kata Kunci: Bugis, Penghijrahan, Petempatan

For centuries, many Bugis have left their villages in search for a new life and settlements. In the Malay culture, such practice is called as merantau or pasompe in Bugis. The merantau activities have over time strengthened the historical ties, blood connections and cultural linkages between the Bugis community and the people on the Malay Peninsula. The migration of Bugis to the peninsula occurred as early as the Malacca Sultanate. During the seventeenth century, there were already settlements of the Bugis people in the Malay Peninsula. Large-group migration, however, only occurred during the British colonial period, particularly the last quarter of the nineteenth century. Their migration to

Malaysia has persisted until the present day. Although the exact number of the migrants cannot be determined due to the lack of written and oral sources, the majority of them have settled in the Johor and Selangor states in Peninsular Malaysia. In Johor, their roles as jungle settlers and pioneers of new rural settlements are among the important aspects that form the historiography of Johor. Until today, their existence can still be observed in some settlements, which spread over a few kampongs within the Johor territories. Ever since their first arrival to the peninsula, the Bugis have not only successfully marked their name in the local history, but they have also made their presence much more prominent than that of other groups.

Keywords: Bugis, Migration, Settlements

Pengenalan

Kajian mengenai sejarah kedatangan masyarakat Bugis ke Semenanjung Tanah Melayu, khususnya ke Johor sebenarnya bukanlah suatu fenomena sejarah yang baru. Ia memang sudah lama berlaku. Dalam masyarakat Bugis, belayar, mengembara, berdagang dan merantau merupakan suatu tradisi utuh dalam kehidupan mereka. Sebagai suku bangsa yang terkenal dalam aktiviti pelayaran, pelaut Bugis telah mengembangkan suatu kebudayaan maritim sejak beberapa abad yang lalu. Perahu-perahu mereka dari jenis *phinisi* dan *lambo* telah mengharungi perairan Nusantara untuk berdagang dan merantau. Istilah “*sompe*” (belayar) dalam masyarakat Bugis juga bererti merantau,¹ adalah sebagai faktor pemungkin di kalangan mereka untuk meninggalkan kampung halamannya sekiranya mereka merasa tertekan. Terjadinya penghijrahan besar-besaran pada abad ke-17 dan awal abad ke-18 di kalangan masyarakat Bugis Sulawesi Selatan adalah kerana salah satu akibat dari rasa tertekan tersebut. Mereka telah berhijrah ke Sumbawa, Lombok, Bali, Jawa, Sumatera, Borneo² dan Semenanjung Tanah Melayu. Kedatangan masyarakat Bugis ke Semenanjung Tanah Melayu dalam jumlah yang besar berlaku pada zaman kolonial Inggeris iaitu di suku akhir abad ke-19 dan berterusan sehingga masa sekarang. Kebanyakan masyarakat Bugis telah memilih Johor sebagai destinasi penghijrahan. Mereka telah meneroka dan membina petempatan di beberapa kawasan di Johor. Peranan mereka sebagai peneroka hutan dan pembina petempatan luar bandar adalah antara aspek yang penting dalam sejarah negeri Johor. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan membincangkan tentang kedatangan masyarakat Bugis di Johor.

¹Menurut Soehartoko, ‘pasompe’ adalah proses pemindahan penduduk Wajo ke luar Sulewesi Selatan dengan tujuan merantau, mencari pengalaman hidup dan kehidupan baru di daerah lain dengan berlayar. Lihat Soehartoko, *Merantau Bagi Orang Wajo” Makassar: Ringkasan Penelitian*, Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial Universitas Hasanuddin, 1971, hal. 27. Lihat juga Andi Ima Kesuma, *Migrasi & Orang Bugis: Penulusuran Kehadiran Opu Daeng Rilaka Pada Abad XVIII di Johor*, Yogyakarta: Ombak, 2004, hal. 8.

² Di kawasan Borneo penduduk Bugis di Pontianak dan Mampawa dan di Pulau Laut, Pegetan, Pasir, Kutei (Samarinda), Bolongan dan Gunung Tabur, bertanggung jawab dalam mengendalikan perdagangan di kawasan lembah sungai. Keterangan lanjut sila lihat Christian Pelras, *The Bugis*, Oxford: Blackwell Publishers, 1996, hal.321.

Faktor-Faktor Penghijrahan

Sebagai masyarakat yang mempunyai kehandalan dalam ilmu pelayaran, masyarakat Bugis dapat bergerak ke seluruh pelusuk rantau Asia Tenggara. Kedatangan masyarakat Bugis ke Johor atau ke Semenanjung Tanah Melayu kemudiannya menjadikan kawasan-kawasan tersebut sebagai kawasan tumpuan perantauan mereka disebabkan oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Penghijrahan yang disebabkan oleh kekurangan tanah, kekurangan sumber makanan atau kelebihan penduduk tidaklah menjadi faktor penentu dalam tradisi merantau masyarakat Bugis. Bahkan wilayah ini menghasilkan cukup banyak padi. Walaupun penghasilan padi memang tidak dapat dipertingkatkan disebabkan oleh pengairan yang terbatas – sebelum tahun 1930-an tidak ada pengairan di sana – namun pembangunan pengairan baru mulai betul-betul berkesan sesudah tahun 1965. Sekitar tahun 1930-an semua sawah di Sulawesi adalah sawah tada hujan, yang sangat tergantung pada sifat musim hujan setiap tahun. Sekiranya hujan kurang maka penghasilan padi pun akan kurang. Keadaan ini barangkali menjadi lebih ketara sesudah penduduk mulai bertambah ramai dan sesudah semakin banyak hutan ditebang, yang mengakibatkan pengaliran air sungai menjadi kurang teratur. Meskipun keadaan pertanian dan petani memang kurang baik sejak dari dahulu namun ia bukanlah merupakan faktor pendorong yang kuat untuk penghijrahan penduduk. Buktinya, tanah yang termasuk paling tandus dan paling sedikit penghasilannya di Sulawesi Selatan iaitu Kabupaten Takalar dan Jeneponto hampir tidak ada penduduknya yang pergi merantau di tempat yang jauh.³ Sehubungan dengan itu apa sebenarnya yang menjadi faktor pendorong kepada orang-orang Bugis untuk pergi berhijrah?

Faktor dalamam yang mempengaruhi punca penghijrahan orang Bugis ke luar adalah kerana keadaan politik yang tidak stabil. Sebelum Belanda memasuki ke pedalaman tanah Bugis, wilayah-wilayah itu sudah lama dalam keadaan kacau bilau.⁴ Tidak ada keamanan di tempat tinggal mereka menyebabkan kebanyakannya kegiatan ekonomi mereka tidak dapat dijalankan. Di kalangan bangsawan-bangsawan Bugis sesama sendiri seringkali terjadi sengketa kerana masing-masing menganggap dirinya lebih berhak mewarisi suatu kerajaan atau pemerintah. Keadaan seumpama ini menyebabkan banyaknya berlaku pertumpahan darah, perang saudara dan peperangan antara daerah-daerah.⁵

³ Christian Pelras, Penghijrahan dan Penyesuaian Orang-Orang Bugis di Johor: Suatu Proses Perubahan Budaya”, t.pen. Analisis yang hamper sama juga dikemukakan oleh Mochtar Naim. Ada beberapa daerah di Indonesia yang seharusnya rakyatnya banyak merantau atau berpindah ke tempat lain, mereka enggan pergi merantau. Sebaliknya di daerah-daerah yang tidak seharusnya rakyatnya pergi merantau, justeru di daerah itu yang terdapat ramai rakyatnya pergi merantau. Sehingga daerah-daerah perantau rakyatnya relatif makin berkurang, sedangkan di daerah-daerah yang rakyatnya tidak merantau, rakyatnya relatif bertambah. Hal ini dapat dilihat di kalangan suku-suku tertentu bangsa Indonesia yang termasyhur merantau iaitu Minangkabau, Bugis, Batak, Banjar dan Ambon. Lihat Mochtar Naim, “Merantau dan Pengaruhnya terhadap Pembangunan Daerah” *Prisma*, No 4 Juni, 1972, Jakarta: LP3ES, hal.36; lihat juga Andi Ima Kesuma, *Migrasi & Orang Bugis...*, 1991, “hal. 1-2.

⁴ Pada tahun 1840-an, James Brooke pernah berkunjung ke tanah Bugis dan menyaksikan keadaan yang terlalu kacau, sehingga dia mencari tempat lain untuk mendirikan kerajaan sendiri. Akhirnya dia pergi ke Sarawak dan mendirikan dinastinya di sana. Keterangan lanjut, sila lihat James Brooke. 1848. *A narrative of events in Borneo and Celebes down to the occupation of Labuan*, dlm R. Mundy (ed.), London, J. Murray.

⁵ Pergolakan antara kerajaan Makasar dan Bone Bugis adalah salah satu contoh perang saudara di Sulawesi. Keterangan lanjut sila lihat Abdul Razak Daeng Patunru, d.k.k., 1993, *Sejarah Bone*, Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan dan Tenggara; lihat juga Abdul Razak Daeng Patunru, *Sejarah Gowa*, Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan dan Tenggara; lihat juga Andi Muhammad Ali, 1986, *Bone selayang pandang*, Watampone: Depdikbud.

Kemuncak permusuhan antara Gowa dengan Bone dengan meningkatnya ketegangan antara VOC dengan Gowa telah menyebabkan terjadinya perang Makassar. Pergolakan politik akibat daripada Perang Makassar tersebut telah menjadi faktor pendorong penghijrahan orang Bugis ke luar dari Sulawesi Selatan. Pada pertengahan abad ke-17, Gowa menjadi salah satu kerajaan terkuat dan terbesar dalam sejarah Nusantara. Begitu tersohornya kekuatan dan kejayaan Gowa sehingga orang-orang di Indonesia Timur sukar mempercayai bahawa VOC berani menentang kekuasaan kerajaan Gowa. Namun kerjasama yang tidak disangka-sangka antara VOC dengan orang-orang Bugis yang merupakan musuh Gowa, mengakibatkan kerajaan Gowa tumpas di tangan pakatan bersekutu. Pada tahun 1669, Sombaopu, iaitu benteng ibu kota kerajaan Gowa yang sangat kuat dan yang menjadi simbol kemegahan kerajaan Gowa, jatuh ke tangan musuh. Setelah tumpasnya Gowa, pemimpin baru yang menerajui tumpuk kekuasaan di Sulawesi Selatan ialah Arung Palaka iaitu pahlawan Bugis Bone-Soppeng berjaya mendominasi kekuasaan wilayah Sulawesi. Kesan pergolakan di Sulawesi Selatan yang melibatkan pihak Belanda dengan kerajaan tempatan ini telah memberi implikasi terhadap migrasi besar-besaran dalam masyarakat Bugis pada akhir abad ke-17.⁶

Perang Makassar telah meninggalkan kesan terhadap perkembangan tahun-tahun berikutnya. Pertikaian pendapat yang serius dalam kalangan bangsawan Kerajaan Gowa-Tallo, antara kelompok yang menginginkan perdamaian yang kemudian mengakibatkan berlakunya permbelotan dari kalangan pemimpin berpengaruh kerajaan tersebut. Pada November 1667 Perjanjian Bungaya di tandatangani oleh pihak yang berperang untuk mengakhiri perperangan yang berlaku.⁷ Pembahagian kuasa antara Arung Palakka dengan VOC telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat tempatan, sehingga mereka melancarkan pemberontakan, namun tidak berjaya. Kesan dari kegagalan ini juga menjadi faktor pendorong berlakunya migrasi besar-besaran di kalangan masyarakat Bugis dari Sulawesi Selatan.

Pada akhir tahun 1670, dengan hancurnya Kota Tosara yang mengakibatkan keruntuhan kerajaan Bugis Wajo, juga telah menambahkan peningkatan arus penghijrahan dalam kalangan masyarakat Bugis dari Sulawesi Selatan. Sehubungan dengan itu bilangan perantauan orang Bugis Wajo selepas tahun 1670 menjadi lebih besar jika dibandingkan dengan kelompok lain di daerah-daerah lain di Makasar.⁸

Di samping itu setelah Perjanjian Bongaya dan setelah Belanda berjaya menundukkan Makassar, telah terjadi perubahan dalam bidang perdagangan. Belanda telah memperolehi hak monopoli dalam perniagaan di sana dan hal ini telah menutup peluang bagi orang-orang Eropah yang lain lalu mereka meninggalkan tempat tersebut. Berikutan dengan itu berlakulah penyekatan kuasa Makassar ke atas bandar-bandar sekitarnya. Semua bandar dan kawasan yang berhampiran yang dahulunya hak Makassar telah menjadi hak kompeni Belanda. Kompeni Belanda ini juga mempunyai kuasa untuk meletakkan matawang Belanda menjadi wang yang sah diperlakukan di seluruh Sulawesi. Bermula dari sinilah berlakunya monopoli kuasa Belanda di Sulawesi Selatan.⁹ Selain itu, sesudah Belanda menduduki kawasan pedalaman tanah Bugis pada tahun 1906, mereka menguatkuasakan sistem cukai yang membebankan penduduk. Bahkan

⁶ Lihat Leonard Andaya, *Warisan Arung Palakka Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17* (terjemahan) Nurhady Sirimorok, Makasar, Ininnawa, 2004hal.4.

⁷ *Ibid.*, hal.9; lihat juga Suraya Sintang, *Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah* Universiti Malaysia Sabah, 2007, hal.47-48.

⁸ *Ibid.*, hal.48.

⁹ Benard H.M.Vlekke, *Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1967, hal.70.

Belanda juga menerapkan sistem kerja paksa (rodi) suatu pekerjaan yang berat seperti kuli dan kadang-kadang membuat orang berada jauh dari rumah. Hal ini dianggap oleh orang-orang Bugis sebagai suatu penghinaan, lebih-lebih lagi oleh bangsawan rendah yang tidak dikecualikan dari kerahan itu. Mereka yang mendapat pengecualian kerahan hanya para bangsawan tinggi. Keadaan ini menyebabkan jiwa orang-orang Bugis memberontak kerana sejak dari dahulu lagi mereka memang bersifat merdeka. Mereka tidak pernah mahu dijajah bahkan oleh bangsa sendiri.¹⁰ Oleh kerana situasi itu menyebabkan sebahagian orang Bugis keluar dari kampung halamannya pergi merantau ke kawasan Indonesia lainnya dan ke Tanah Melayu.¹¹

Kedatangan orang Bugis ke Tanah Melayu juga disebabkan oleh sifatnya yang suka mengembara atau merantau. Orang Bugis sejak berabad-abad terkenal mempunyai jiwa perantau. Sifat seperti ini tergambar dalam karya agung sastera Bugis iaitu rangkaian cerita yang dikenal dengan nama *La Galigo* yang antara lain menggambarkan pengembalaan tokoh mitos Bugis, Sawerigading, yang mengelilingi lautan dengan perahunya yang luar biasa *Wakka tana WalinonoE*. Sehubungan dengan itu sekurang-kurangnya mulai abad ke-16, peranan orang Bugis dan Makasar dalam perdagangan maritim se-Nusantara menjadi makin penting. Bahkan dalam masyarakat Bugis juga ada istilah yang dikenal dengan *ma'sompe'* yang bererti “berlayar” juga membawa makna merantau.¹²

Selain itu, *siri* dalam masyarakat Bugis juga merupakan salah satu faktor pendorong berlakunya merantau. *Siri'* merupakan unsur teras dalam setiap individu Bugis. Tidak ada satu nilai yang berharga untuk dibela dan dipertahankan di muka bumi ini selain daripada *siri'* kerana *siri'* adalah jiwa, harga diri dan martabat mereka.¹³ Oleh itu setiap masyarakat Bugis mesti mempunyai *siri'* dalam dirinya supaya ia dapat meneruskan hidupnya sebagai manusia yang dipandang baik dan mulia. Mattulada mengatakan: *Siri' emmi ri onroang ri lino*, ertiinya: hanya

¹⁰ Salah satu sebab mengapa orang Wajo' dan orang Bone tidak begitu serasi dan mengapa Wajo' berpihak pada Makasar sewaktu Bone berperang melawan Goa adalah kerana Bone pernah mahu menjajah Wajo'. Semboyan orang Wajo' adalah “*maradeka to Wajo'e, ade'emmi napopuang*” (orang Wajo' merdeka hanya adatnya/ hukumlah yang dipertuan). Lihat Andi Ima Kesuma, 2004, *Migrasi dan Orang Bugis*, hal. 5. Salah satu sebab mengapa orang Bone membantu Belanda mengalahkan Makasar pada abad ke-17 adalah kerana Makassar pernah menjajah Bone. Keterangan lanjut sila lihat L. Y. Andaya, 1981, *The heritage of Arung Palakka: A history of South Sulawesi (Celebes) in the seventeenth century*, The Hague, M. Nijhoff.

¹¹ Mattulada, , “The spread of the Buginese in Southeast Asia”, in *National Seminar on Southeast Asia*, Yogyakarta, May.3-4, 1978, hal.1. Sehubungan dengan itu, penghijrahan orang Bugis kebanyakannya dipimpin oleh orang bangsawan yang turut diiringi oleh para pengikut yang besar jumlahnya. Mereka meninggalkan Sulawesi kerana tidak dapat menerima perubahan politik dan sosial yang dipaksakan oleh Arung Palakka, Belanda dan sebahagian dari kalangan pemimpin Gowa dan Wajo'. Bagi orang Gowa dan Wajo, mereka meninggalkan Sulawesi bukan bermaksud “melarikan diri”, sebaliknya bertujuan untuk mencari sekutu di seberang lautan yang boleh membantu merebut semula negeri mereka. Pakatan sekutu yang diperlukan dari kawasan yang mereka kunjungi ialah dari kawasan Banten, Mataram, Madura, Jambi, Palembang, Aceh, Johor dan Ayutthaya (Siam). Lihat Andi Zainal Abidin, *Capita Selecta Sejarah Sulawesi Selatan*, Ujung Pandang: Hasanuddin Universiti Press, 1999, hal.206.

¹² Ini adalah untuk membina sikap berdikari, iaitu tidak tergantung kepada kampong asal mereka. Malahan anak-anak lelaki diajar untuk berdikari, tidak sangat bergantung diri pada ibu dan harus mengikut jejak ayahnya yang suka merantau. Bahkan menjadi satu penghinaan bagi anak lelaki yang menetap di rumah saja. Keadaan ini seterusnya dikaitkan dengan soal kematangan diri di samping supaya lebih berani dan bijak mengatur masa depan. Lihat Norliah Mohd. Salleh, ‘Riwayat Hidup Penghulu Taib’ *Karangan Sejarah*. Johor: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Johor, 1977, hal.1.

¹³ A. Hamid Abdullah, *Manusia Bugis-Makasar: Satu tinjauan Historis Terhadap Pola Tingkah Laku dan Pandangan Hidup Manusia Bugis Makasar*, Inti Idamu Press, Jakarta, hal.37. Keterangan lanjut lihat juga L.Y.Andaya, 2004, *Warisan Arung Palaka*, Ininnawa, Makassar, 1985, hal.21-23,88.

untuk *siri'* itu sajalah kita hidup di dunia. Ungkapan ini mengandung erti *siri'* sebagai yang memberi identiti sosial dan martabat kepada seseorang. Hanya kalau ada martabat dan harga diri, maka itulah hidup yang ada ertinya.¹⁴ *Siri'* juga membangkitkan semangat keberanian masyarakat Bugis terutama di kalangan kaum lelaki agar tidak mudah mengenal istilah mundur atau menyerah kalah dalam mengatasi setiap cabaran. Semangat inilah yang membakar jati diri lelaki Bugis sehingga menjadikan mereka sebagai pelayar yang handal dan berjaya mengembangkan kebudayaan maritimnya.

Kepentingan *siri'* sebagai pembangkit semangat keberanian kaum lelaki dapat difahami melalui ungkapan yang diistilahkan dengan *siri' masiri'*. Konsep *siri' masiri'* bermaksud keadaan seseorang yang berasa aib akibat kesalahan sendiri atau nasib yang menimpanya. Selaku ketua keluarga pihak lelaki bertanggung jawab dalam menentukan masa depan dan nasib keluarganya. Pemulihan *siri'* oleh orang yang merasa aib itu harus dilakukan dengan bekerja keras tanpa mudah menyerah kalah untuk merubah nasibnya menjadi lebih baik.¹⁵ Hal inilah yang menjadi salah satu faktor pendorong utama orang Bugis untuk pergi merantau memperbaiki kehidupannya kerana dengan status ekonomi yang lebih baik seseorang dapat meningkatkan identiti sosialnya. Demi menegakkan *siri'* di mata masyarakat, mereka memberikan pengorbanan terhadap apa yang dicintai, meninggalkan isteri, anak dan keluarga, kampong halaman dan lain-lain.¹⁶

Selain faktor dalaman tersebut terdapat juga faktor luaran sebagai faktor penarik dari Tanah Melayu itu sendiri, terutama sejak pertengahan abad ke-19, di mana kegiatan ekonomi mulai giat dijalankan di Tanah Melayu. Pihak Inggeris telah memberikan peluang yang luas kepada sesiapa yang ingin membuka tanah. Bahkan pemerintah Johor juga menggalakkan kedatangan perantau perantau nusantara untuk kemajuan kerajaan Johor.¹⁷ Selain itu cerita-cerita mengenai kehidupan yang lebih baik di Tanah Melayu merupakan antara faktor pemangkin kedatangan orang Bugis ke rantau ini. Di antara pemberita itu adalah orang-orang Bugis pemilik perahu atau nakhoda perahu layar yang telah turut serta dalam pengangutan kuli Jawa ke Tanah Melayu. Mereka menyebarkan maklumat kepada keluarga mereka yang masih berada di Sulawesi atau yang sudah dalam perantauan tentang kesuburan Tanah Melayu, khasnya di Johor.

Sehubungan dengan itu jika diperhatikan semua alasan di atas, sebenarnya semua boleh dikaitkan dengan apa yang diungkapkan oleh keturunan perantau-perantau Bugis: “di sana susah, di sini senang, di sana kerja lebih susah, di sini untung lebih banyak, di sana tidak ada peluang untuk menambah harta, di sini kita boleh menjadi kaya”.¹⁸ Sehubungan dengan itu, dapat dikatakan bahawa ada dua jenis alasan yang mendorong perantau-perantau Bugis untuk meninggalkan kampung halamannya. Pertama; kerana mereka tidak merasa cocok atau tidak sesuai dengan keadaan yang mereka hadapi di negeri sendiri, yang berkaitan dengan pelbagai masalah peribadi, ekonomi dan lebih-lebih lagi masalah keamanan dan politik. Hal ini nampak

¹⁴ Mattulada, *Latoa: Satu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*, Gadjah Mada Universiti Press, 1975, hal.67

¹⁵ Andi Zainal Abidin, *Capita Selecta: Kebudayaan Sulawesi Selatan*, Ujung Pandang: Hasanuddin University Press, 1999, hal.146

¹⁶ Hamid Abdullah, “Pandangan hidup dan kepemimpinan...”, 1982, hal. 38.

¹⁷ Khoo Kay Kim, , “Satu Pandangan Menyeluruh: Johor di antara dua Perang Dunia”, *Sarina*, 1977, hal.79.

¹⁸ Di antara keturunan penghijrah Bugis di Johor yang menyampaikan alasan tersebut sebagai faktor kedatangan keluarga mereka adalah Andi Badri bin Hj Daeng Malugi, ketika ditemu bual di rumahnya di Parit Hasan, Benut, Pontian, pada 5 Ogos 2008. Hajjah Hendon bt. Ambok Selemak ketika ditemu bual di rumahnya di Parit Wa’ Jabir, Benut, pada 29 Januari 2009. Pendapat yang sama ini juga mungkin disampaikan oleh nakhoda atau pedagang-pedagang Bugis kepada sanak saudaranya di tanah Sulawesi.

dengan nyata jika diperhatikan waktu paling ramai orang Bugis berhijrah ke Tanah Melayu iaitu pada masa kekacauan di akhir abad ke-19, pada awal pendudukan Belanda dan pada masa gerombolan (pemberontakan Kahar Muzakar) antara tahun 1949 dengan tahun 1965. Kedua; mereka meletakkan suatu harapan akan kehidupan yang lebih baik di negeri rantau. Faktor yang kedua ini berorientasikan ekonomi.

Kedatangan dan Pembukaan Petempatan

Tidak dapat dibuktikan dengan tarikh yang pasti bilakah masyarakat Bugis mula datang ke Johor. Lazimnya kedatangan awal mereka dirakamkan pada awal abad ke-18 melalui kehadiran keturunan bangsawan Bugis lima bersaudara,¹⁹ iaitu Daeng Parani, Daeng Manambun, Daeng Marewa, Daeng Cella' dan Daeng Kemase.²⁰ Namun bersandarkan kepada pendapat Andaya, kedatangan orang-orang Bugis dan Makasar nampak lebih jelas pada abad ke-17 iaitu setelah kota Makasar jatuh ke tangan Belanda. Bahkan seorang bangsawan Makasar yang bernama Daeng Mangika telah terlibat dalam perperangan di antara Johor dengan Jambi pada tahun 1679.²¹

Sehingga awal abad ke-19, negeri Johor masih tidak mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Kampung-kampung Melayu sangat sedikit jumlahnya, kebanyakannya terletak di kuala-kuala sungai manakala daerah pedalaman hanya merupakan hutan belantara tempat beberapa puak orang asli mengembara dan mengambil hasil hutan. Di bahagian barat negeri Johor, yang sekarang membentuk daerah Pontian, Batu Pahat dan Muar, hanya terdapat beberapa pemukiman

¹⁹ Berdasarkan catatan Tome Pires dalam *Summa oriental* disebutkan bahawa pelaut-pelaut Bugis dan Makasar sudah mulai mengunjungi Melaka pada tahun 1511, tetapi jumlah mereka masih sedikit berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Lihat Tome Pires. 1944, *The Suma Oriental*, translated and edited by Armando Cartessao, London. Selain itu, *Sejarah Melayu* juga menyebut bahawa pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah terjadi suatu penyerbuan ke atas Melaka oleh seorang yang dikatakan berasal dari Tanah Makasar, yang namanya ditulis dalam huruf jawi s-m-r-l-w-k. (Semerluki atau Samarluka). Keterangan lanjut, lihat W.G. Shellabear. 1975. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur, Cet. ke-19. Kemudian, diandaikan nama sebenarnya tokoh ini adalah Karaeng Sama ri Luka iaitu Raja Bajau dari Luwuk yang barangkali merujuk kepada tokoh Karaeng Bayo yang disebut dalam tradisi tentang pengasasan kerajaan Makasar yang bernama Goa. Lihat Christian Pelras. "Penghijrahan dan Penyesuaian Orang-Orang Bugis di Johor: Suatu Proses Perubahan Budaya", t.pen., 1991, hal.4.

²⁰ Tentang ke-lima-lima salasilah tokoh ini dan hubungannya dengan raja-raja Luwu', sila lihat J. Noorduyn, 1988, "The Bugis Genealogy of the Raja Muda family of Riau-Johor", *JMBRAS*, 61 (2): 63-92. Dua lagi tokoh Bugis adik beradik iaitu Daeng Manomppo dan Daeng Mattimo yang berasal dari Soppeng, juga memainkan peranan penting pada waktu itu dalam kancah politik Melayu. Lihat Leonard Y. Andaya, 1975, *The Kingdom of Johor (1641-1728): Economic and political developments*, Kuala Lumpur, hal. 228-240. Di Perak, pada masa yang sama, tersebut pula seorang Bugis yang bernama Daeng Sulili. Sebahagian pendapat mengatakan mungkin dia adalah sepupu kepada Bugis lima bersaudara. Lihat Abdul Halim Nasir, 1977, *Sejarah Perak, Siri Pertama Zaman Prasejarah hingga Zaman Kedatangan Pengaruh Orang Luar*, Kuala Lumpur, hal. 176-189. Pada akhir abad ke-18, diberitakan pula bahawa sekelompok Bugis telah berpindah dari kepulauan Riau dan pada tahun 1783 mereka menetap di Linggi. Lihat Hamid Abdullah, 1984, "Perubahan Sosial di Kalangan Masyarakat Keturunan Bugis di Linggi dan Kesannya ke atas Masalah kepemimpinan", Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal. 42.

²¹ Pada abad ke-17 sudah terdapat pemukiman orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1678 orang Bugis dan Makasar telah menetap di Klang. Pada tahun 1703 terdapat 600 orang Bugis (tidak terhitung perempuan dan anak-anak) yang datang dari Selangor dan menetap di Kuala Linggi, Negeri Sembilan. Kewujudan orang-orang Bugis dalam bilangan yang ramai di Selangor telah menimbulkan kebimbangan di pihak Belanda. Lihat Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor (1641-1728): Economic and political developments*, Kuala Lumpur, 1975, hal. 200-201.

kecil²² antaranya adalah pemukiman kelompok orang Bugis iaitu di sekitar Muar dan Batu Pahat.²³ Sehubungan dengan itu, pada awal abad ke-19, di Muar telah tercatat kegiatan seorang Bugis yang dikenal dengan gelarannya Sullewatang sedangkan di Batu Pahat pada waktu yang sama tersebut pula seorang Bugis yang berasal dari Wajo' bernama Daeng Ahmad yang dikatakan sebagai pengasas Kampung Minyak Beku.²⁴

Di Johor, antara kawasan yang turut menjadi tumpuan kemasukan perantau Bugis pada abad ke-19 adalah daerah Kukup terutamanya di Kampung Chokoh, Kampung Permas Kelapa, Parit Semair, Serkat, Benut dan Pengerang.²⁵ Antara orang Bugis yang terawal datang ke kawasan Kukup adalah Ahmad Pasang, seorang Bugis dari Siak. Beliau digelari juga dengan

²² Sebelum Singapura dimajukan oleh Raffles sudah terdapat ramai orang Bugis, terutama orang Wajo' yang datang berdagang dengan perahu layar *padewakang* ke Kepulauan Riau, Pulau Bintan dan Pulau Penyengat. Mereka adalah pedagang yang membawa hasil pertanian seperti lada hitam, beras dan sebagainya serta hasil hutan seperti rotan. Kemudian, mereka membawa balik barang-barang siap seperti tekstil, mangkok piring, perkakas besi dan sebagainya. Sesudah Singapura dimajukan, ramai orang Bugis yang pindah ke situ sehingga pada tahun 1824 jumlah mereka mencecah 1,815 orang, iaitu 17% dari penduduk Singapura keseluruhannya. Sehingga akhir abad ke-19, bilangan mereka tetap berkisar 2,000 orang, kebanyakannya mereka tinggal di Kampung Bugis, Kampung Gelam dan Kampung Rochore. Mereka menjadikan Singapura sebagai pangkalan untuk melanjutkan usaha dagang mereka di sepanjang Selat Melaka dan di sekitar kepulauan Riau. Ada juga di antaranya yang menjadi Syekh Haji, yang mengurus calon haji yang datang dari tanah Bugis ke tanah suci. Ada di antara orang Bugis itu menjadi kaya dan berpengaruh di kalangan orang Melayu Singapura. Pedagang-pedagang Bugis yang terkenal di Singapura menjelang tahun 1870-an di antaranya adalah Nakhoda Daeng Matara, Nakhoda Daeng Pulaga, Nakhoda Daeng Mabborong, Mohammad Tahir dan Nonci. Keterangan lanjut, lihat Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", 1991, hal.11. Temubual dengan Beccik Aripah bt. M.Salih, di Batu Pahat, pada 8 Februari 2009; temubual dengan Tuan Haji Ahmad Daming, pada 28 Oktober 2008 di Rengit, Batu Pahat, Johor dan En. Abdul Hadi b. Ambok Ingtang pada 29 Januari 2009 di Serkat, Kukup, Pontian. Selain itu Ambo' Sulo bin Haji Umar Ambo' Dai' juga merupakan salah seorang Bugis yang terkenal kaya di Singapura. Beliau lazim dipanggil sebagai Puang Sulo oleh orang Bugis yang hidup sezaman dengannya. Beliau adalah orang Bugis yang terkaya di Singapura. Beliau banyak memiliki tanah dan rumah di sekitar Kampung Rochore dan di Java Road. Di antara tahun 1920-1930-an, sebahagian besar perniagaan yang menyangkut perahu layar Bugis yang berpusat di Singapura adalah melalui beliau. Ambo' Sulo telah diangkat oleh British sebagai *Justice Officer* atau Jaksa Pendamai (J.P.) yang bertugas mendamaikan sengketa yang timbul dalam masyarakat sebelum mereka di bawah ke muka pengadilan. Bahkan ada yang mengatakan bahawa beliaulah yang i 12 J.P. yang ada di Semenanjung. Beliau juga memainkan peranan aktif dalam menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) bersama dengan Eunos bin Abdullah. Ambo' Sulo juga termasuk salah seorang pengasas UTUSAN MELAYU. Atas nasehat beliaulah ramai orang Bugis di Singapura dan di Johor membeli saham akhbar itu. Walaupun Ambo' Sulo tinggal di Singapura, tetapi beliau juga mempunyai pengaruh yang kuat di Johor. Bahkan beliau juga memiliki tanah di Sungai Kuali. Lihat Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", 1991, hal.2.9; temubual dengan En. Abdul Hadi b. Ambok Ingtang pada 29 Januari 2009.

²³ Mereka mengaku mereka adalah keturunan dari seorang Raja Bugis-Cempa yang pernah menetap bersama anaknya di Bukit Mor, Muar, yang dalam naskah ditulis namanya dengan huruf Jawi s-r-i-w-k. Termasuk juga di dalam kelompok ini pendatang baru dari Wajo' yang bergabung pada permulaan kurun ke-19. Pemimpin mereka yang ditulis namanya dengan huruf Jawi, p-i-b-t-h (barangkali Pabitei), disebut juga sebagai ahli majlis raja-raja di tanah Bugis. Hal ini barangkali bererti bahawa dia menjadi anggota "Arung Patappolo" iaitu 40 "raja" atau pembesar yang membentuk seumpama Dewan Adat yang turut memerintah Wajo' bernama Arung Matoa Wajo' dan tiga pendampingnya (butir-butir ini bersumber dari sebuah silsilah di Kampong Parit Bakar, Muar). Lihat Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal.12.

²⁴ Daeng Ahmad mengahwini anak perempuan Pabitei. Sejak itu terjalinlah hubungan erat di antara orang Bugis Padang Muar dengan orang Bugis Minyak Beku. Daeng Ahmad kemudian pergi ke Pontian Besar dan meninggal di sana. Daeng Ahmad mengaku mempunyai keturunan Raja Bugis Campa melalui anaknya yang kedua yang namanya ditulis a-n-d-r-p-m-a (barangkali Indravarman, meskipun nama ini tidak pernah dipakai oleh orang Bugis dari Sulawesi). Indravarman kembali ke Wajo' setelah ayahnya mangkat. Lihat Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal. 5.

²⁵ Khoo Kay Kim, " Satu Pandangan Menyeluruh: Johor di antara dua Perang Dunia", Sarina, 1977, hal.79.

“Orang Kaya Ringgit”. Ahmad Pasang menjadi kaya kerana membawa bersama kuli Jawa ke Kukup dengan perahunya sekitar tahun 1870-an dan 1880-an. Beliau juga membawa masuk-masuk orang Jawa yang kemudiannya menetap di Kampung Sungai Karang. Selain itu, Ahmad Pasang telah membuka Kampung Sungai Buntu (dalam mukim Ayer Masin sekarang) di Chokoh dan di Tanjung Pelepas, di seberang Sungai Pulai. Anak Ahmad Pasang, iaitu Hj. Endut juga dipercayai telah membuka sebuah kampung di Chokoh. Dalam masa yang sama, seseorang yang bernama Adil bin Sudin, (seorang Bugis yang tidak diketahui tempat asalnya) telah membuka Kampung Serkat melalui pertolongan seorang Banjar yang bernama nakhoda Mentol. Dia kemudiannya menjadi penghulu yang pertama bagi kampung tersebut.²⁶

Pada sekitar tahun 1880, datang pula sekelompok orang Bugis membuka Kampung Sungai Kuali (menurut orang Bugis nama sebenarnya adalah *kawali* yang bererti badik). Di antara mereka termasuk seorang yang bernama Daeng Mparani dan seorang lagi yang bernama La Padu'.²⁷ Kedua-dua mereka ini berasal dari Wajo'. Mereka berdua telah mengawini adik beradik iaitu anak kepada Nakhoda Daeng Mabborong, cucu kepada Nakhoda Daeng Matara iaitu salah seorang pendatang kumpulan pertama di Sungai Kuali yang berasal dari Wajo'.²⁸

Di Penerok terdapat seorang yang bernama Manteri Kacong sebagai orang pertama yang mendarat di Kuala Sungai Penerok dan membuka perkampungan di situ. Selain Manteri Kacong, bersama-sama kelompok ini adalah Wak Ware', Wak Randing dan Wak Patekko yang juga berasal dari Wajo'. Wak Ware' merupakan salah seorang penghulu Penerok yang terawal dan beliau meninggal dunia pada tahun 1915. Di Kampung Sungai Karang, tersebut sebagai pengasas kampung itu adalah Wak Bambong bin Daeng Marola, seorang Wajo', yang pernah menetap sebelumnya di Bintan. Beliau dilantik menjadi penghulu Kampung Sungai Karang pada tahun 1899.²⁹

Kedatangan perantau Bugis ke kawasan Kukup berterusan sampai awal tahun 1920-an.³⁰ Di antara mereka yang datang pada masa itu adalah Ismail bin Daeng Mammala dengan sekelompok orang Bugis Bone yang datang membuka Kampung Peradin di tepi Sungai Pulai. Kemudian, satu kelompok lagi dari Lajokka, Loa' (di daerah Wajo') di bawah pimpinan Daeng Matemmu membuka Kampung Tengah, Jeram Batu. Sungguhpun begitu, kawasan itu sudah mulai ditempati oleh orang Banjar. Ada juga orang Batu-Batu, Soppeng, yang datang menetap di Simpang Kiri Sungai Karang. Selain itu juga, beberapa bangsawan dari Wajo' seperti Andi Muri, Andi Nurung dan Nawawi datang menetap di Sungai Kuali. Mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bekas Arung Matoa (Raja) Wajo' yang telah ditawan oleh Belanda pada masa itu. Ada juga perantau Bugis yang datang bukan secara terus dari Sulawesi Selatan ke Pontian tetapi sudah berpindah-pindah ke beberapa tempat, misalnya ke Singapura dahulu kemudian ke Gelang Patah dan kemudian barulah ke Sungai Kuali, Serkat,³¹ Kukup, di Pontian.

²⁶ Christian Pelras, “Penghijrahan dan Penyesuaian...”, hal.14.

²⁷ Beliau lahir pada tahun 1818 di Pariah, Wajo', kemudian berpindah ke Pontianak. Keterangan lanjut sila lihat catatan Christian Pelras, “Orang-Orang Bugis ternama dan berpengaruh”, t.t., t.p., hal. 2. Temubual dengan En. Abdul hadi b. Ambok Ingtang pada 29 Januari 2009.

²⁸ Christian Pelras, “Penghijrahan dan Penyesuaian...”, hal.14.

²⁹ Maeda Nariifumi, “The Bugis in Johor”, CSEAS, Kyoto, 1989, hal.16.

³⁰ Bahkan pada tahun 1939 di Serkat dilaporkan salah seorang Bugis yang bernama Hj. Daing Prani telah memohon untuk mengurangkan cukai tanah ke atas tanaman kelapanya di Sungai Boh Serkat. Lihat C.L.R. Pontian, No 137 1939, Application for rebate of rent on land held under grant no.17187, Mukim serkat, land Office Pontian, ANCS

³¹ Antara orang Bugis yang tinggal di mukim Serkat yang terdapat dalam surat permohonan tanah Pontian antara tahun 1937-1941 ialah: Mohd. Sah bin Kassim dan Siah bt. Kamisik. Lihat Land Office Pontian 9/41, Application

Berdasarkan banci tahun 1911, bilangan rasmi penduduk asal Sulawesi yang duduk di wilayah Kukup mencapai 3,779 orang iaitu 20% dari penduduk Melayu di daerah itu (yang pada masa itu mencakup mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah dan Pontian sekarang, tetapi tidak mencakup mukim Benut dan Ayer Baloi. Pada tahun 1921 mereka berjumlah 5500 iaitu 21.69% dari jumlah orang Melayu di wilayah itu.³² Kecuali di kawasan Kukup (mukim Serkat, Sungai Karang dan Ayer Masin sekarang), pada akhir kurun ke-19 orang Bugis juga menetap di Ulu Sungai Pulai di sekitar Pekan Nenas (misalnya Kampung Tengah Jeram Batu, Kampung Ulu Choh dan sebagainya) dan di seberangnya, khasnya di sekitar Gelang Patah dan Pekajang.³³ Di samping peneroka yang membuka kebun sendiri di kawasan itu, juga ada beberapa peniaga Bugis dari Singapura yang memiliki tanah di situ tetapi tanah-tanah tersebut diusahakan oleh sanak saudara mereka³⁴ Ada juga di antara mereka yang membuka kampung di sekitar Penggerang, antaranya Kampung Lepau. Kebanyakan orang Bugis di kampung ini berkebun nenas, pinang dan kelapa.³⁵

Manakala Benut, yang mula-mula terletak di suatu tempat yang sekarang dikenal sebagai Kampung Lama, Parit Rambai, telah diteroka sebahagian kawasannya sebelum tahun 1760 oleh seorang Melayu Riau yang bernama Dato' Muin bin Dato' Sura.³⁶ Setelah itu dibuka Kampung Sungai Pinggan yang terletak ke hilir. Pada tahun 1849 sewaktu paderi Perancis Pierre Favre melawat wilayah itu hanya dua kampung itu sahaja yang wujud di situ. Tetapi pada tahun 1870 seorang penghulu telah dilantik untuk kawasan Benut, yang membawa pengertian bahawa penduduk sudah mulai bertambah banyak di kawasan tersebut. Walaupun tidak dapat diketahui secara pasti kampung mana yang pertama kali dibuka di Benut, tetapi diperkirakan bahawa orang Melayu keturunan Dato' Muinlah yang mula-mula membuka Kampung Permatang Duku dan Permatang Sepam dekat Kampung Lama Benut. Sesudah tahun 1900 Kampung Parit Sayang,

for subdivision of land comprised under E.MR.1029 Mukim of Pontian, ANCS.; Long and Chemburu binte Daing Mak Barong. Lihat land Office Pontian 153/41 Application for subdivision of land held under E.M.R. 1271 lot 559 and 560 respectively mukim os Serkat , ANCS.; Mak Dautanah bt Md.Yasin. Lihat Land Office Pontian, 2557/37 Adjustment of Fess on lot 1225 of land held under s.s 170/25 Mukim Serkat, ANCS. Lihat juga fail-fail Land Office Pontian yang lain yang berkaitan dengan beberapa penyesuaian pembayaran tanah lot oleh beberapa orang Bugis yang lain dari 2558-2559/37, 2565/37, 2535/37, 2578-2584/37. Mereka adalah Taribak bt. Hj.Abdul Karim, Sapek bin Hj. Abdul Karim, Hj. Matjok bin Matmu, Bechik bt Karradok, Bachok bin Mohd. Nor, Gogak bt Hj. Ahmad, Senong bin Sakidek, Endok Lopak, Md. Radi bin Md Said, Hj. Suidi bin Daing Prani dan Hj. Simpoh bin Hj. Daing Prani.

³² Halimah Hj Omar, "Orang-Orang Bugis di Pontian: Kajian dari Segi Kegiatan di Dalam Bidang Politik, Sosial dan Ekonomi antara tahun 1900-1967", B.A. Hons, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980, hal. 21 dan 69

³³ Menurut keterangan dari Makcik Asmah Binti Luduk, Kampung Pekajang Bengkok telah dibuka oleh Tuk Mamat manakala Kampung Pekajang Lurus dibuka oleh Tuk Reona bin Lincang. Di sana, mereka berkebun pinang dan kelapa. Tanah yang dibuka oleh Tuk Reona berjumlah sekitar 50 ekar, sedangkan tanah yang dibuka oleh Tuk Mamat sekitar 30 ekar. Keterangan ini diperoleh dari Asma binti Liduk dan anaknya Zainal Abidin bin Mohd. Zapin di rumahnya di Kampung Pekajang pada 19 Mac 2009. Zainal Abidin bin Mohd. Zapin adalah cicit kepada Tuk Reona bin Lincang.

³⁴ Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal.14.

³⁵ Keterangan ini diperoleh dari beberapa orang Bugis yang tinggal di Kampung Lepau di antaranya adalah Hj. Mohd.Taha bin Becek Libu Daeng Pasare', ketika ditemubual di rumahnya di L46 Kampung Lepau, Pengerang, Johor pada 16 Mac 2009. Temubual dengan Tuan Haji Ramli Bin Ja'afar bin Daeng Maluru' di Kampung Lepau pada 17 Mac 2009, temubual dengan Encik Abdul Rahim bin Sanusi Daeng Changi di Kampung Lepau pada 17 Mac 2009.

³⁶ Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal. 16.

Parit Bakau, Parit Karimun, Parit Setan,³⁷ Parit Hasan³⁸ dan Parit Abdul Rahman juga telah dibuka oleh pendatang baru,³⁹ demikian juga Kampung Sanglang dan Ayer Baloi. Pertambahan penduduk menjadi lebih pesat lagi antara tahun 1905 sehingga 1910.⁴⁰

Pada tahun 1905, Penghulu Padu' dan pengikutnya iaitu orang-orang Bugis dari Sungai Kuali berpindah ke Benut untuk membuka kawasan pertanian baru.⁴¹ Mereka menetap di Parit Abdul Rahman, di seberang Sungai Benut iaitu sebuah kampung yang sudah dibuka oleh pendatang Melayu, di mana mereka memperkembangkan tanam kelapa. Menurut sumber lisan yang diperolehi, mereka membawa benih-benih kelapa dari Sungai Kuali.⁴² Usaha Penghulu Padu' berhasil dengan cepat dan beliau berusaha untuk meningkatkan perniagaannya di Benut.⁴³ Sehubungan dengan itu ada pendapat yang mengatakan bahawa Penghulu Padu' dilantik menjadi penghulu setelah berjaya di Benut tetapi terdapat pendapat lain yang mengatakan bahawa beliau dilantik menjadi Penghulu semasa berada di Sungai Kuali. Beliaulah yang banyak berpropanganda dan menyebarkan berita tentang kesuburan tanah di Benut dan tentang keuntungan yang boleh diperolehi dengan menanam kelapa di situ kepada orang-orang Bugis Wajo' terutama yang berasal dari Pariah, sama ada yang sudah ada di rantau Tanah Melayu, Pontianak atau yang masih berada di tanah Bugis. Antara tahun 1905 dan 1911, semakin ramai orang Bugis yang kebanyakannya berasal dari Wajo' tertarik oleh perkhabaran itu dan mereka berbondong-bondong datang ke Benut untuk membuka kebun.⁴⁴

Sebahagian dari penghijrah-penghijrah Bugis yang datang mula-mula menetap di kampung-kampung yang sudah dibuka oleh orang Melayu. Kemudian baharulah sebahagian mereka membuka petempatan baru. Di antara kelompok-kelompok orang Bugis yang menetap di kampung-kampung yang sudah ada misalnya, kelompok dari Pariah yang dipimpin oleh Daeng Patikke' yang pergi menetap di Parit Sayang dan kelompok Haji Tomi' bin Daeng Mapadeng dari La Pa'boli, Pariah (Wajo') yang pergi menetap di Parit Jabar, Senggarang (Batu Pahat) dan

³⁷ Kini dikenali dengan nama Parit Rahmat iaitu nama yang diberi oleh Sultan Johor pada tahun 1970-an.

³⁸ Parit Hasan telah dibuka oleh Hj Hasan bin Abdul Karim yang membuka kampung tersebut. Sehubungan dengan itu beliau dilantik sebagai ketua kampung pertama. Keterangan ini diperolehi ketika bertemu bual dengan Ambo' Mase' bin Abdul Latief bin Abdul Karim, di rumahnya di Rengit, Batu Pahat pada 31 Januari 2009.

³⁹ Menurut keterangan dari Ambo' Mase' sebelumnya di tempat-tempat ini sudah ada juga orang-orang Melayu dari Kepulauan Riau yang menempati kampung-kampung tersebut.

⁴⁰ Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal.15.

⁴¹ Lihat *Orang-Orang Bugis ternama dan Berpengaruh*, t.t.,t.p.

⁴² Keterangan dari diperoleh daripada Hajah Indok Chichuk dan Encik Abdul Hadi bin Ambok Ingtang ketika ditemu bual di rumah mereka di Kampung Sungai Kuali, Serkat pada 2 Februari 2009. Selain itu Hj. Andi Mori bin Andi Perinding, juga memberikan keterangan yang sama ketika ditemubual di rumahnya di Jalan Sri Bugis, Parit Makkuaseng, Benut, pada 29 Januari 2009.

⁴³ Bahkan dikatakan bahawa beliaulah yang telah mendatangkan 3 orang Cina agar mereka membuka kedai berdekatan masjid, di persimpangan empat sekarang. Pada masa itu ianya belum merupakan simpang kerana belum terdapat jalan raya. Temubual dengan En. Abdul Hadi bin Ambok Ingtang di Sungai Kuali, Serkat pada 29 Januari 2009.

⁴⁴ Pesatnya aliran masuk orang Bugis waktu itu memang sejalan dengan apa yang terjadi banyak tempat di Semenanjung, yang juga melibatkan suku-suku lain. Merurut Abdul Malik Munip: Jangka masa di antara tahun 1910-1913 adalah merupakan puncak kepada kemasukan buruh-buruh Jawa dan Banjar ke negeri-negeri Melayu bersekutu. Selaras dengan ini juga orang-orang Jawa, Bugis dan Banjar telah menganah-anah masuk ke negeri Johor dan terutama sekali ke daerah Muar dan Batu Pahat. Pada masa itu Benut masih termasuk Batu Pahat. Bahkan untuk lebih menarik peneroka pada tahun 1910 satu undang-undang telah dikuatkuasakan, di mana haka-hak dan peraturan memiliki tanah lebih terjamin dan teratur. Lihat Abdul Malik Munip, 1984, *Bandar Maharani dan Daerah Muar, 1884-1920*, Kuala Lumpur, hal.66-69

sebagainya. Sebahagian ada juga yang langsung membuka petempatan sendiri dengan bantuan kelompok mereka masing-masing. Antara mereka yang membuka petempatan sendiri adalah Wak Jabir yang berasal dari Pariah, Wajo'. Beliau datang ke mukim Benut menjelang tahun 1910 sesudah beliau membuka kebun beberapa lama di Pontianak, Kalimantan. Wak Jabir termasuk orang Bugis yang pertama yang tidak menetap di kampung yang sudah dibuka, tetapi membuka petempatan sendiri yang dikenal sehingga kini sebagai Kampung Parit Wak Jabir Darat. Kemudian, beliau berpindah ke kawasan hutan bakau dan membuka petempatan baru di situ yang dikenal sebagai Parit Wak Jabir Laut. Beliau meninggal dunia pada tahun 1960-an di kampung yang diterokanya itu.⁴⁵

Selain Wak Jabir, peneroka Bugis lain antaranya adalah La Makkuaseng yang berasal dari Loa', Wajo'. Beliau telah datang ke Johor menjelang tahun 1912. Beliaulah yang memulakan penggalian parit yang dikenal dengan nama Parit Makkuasang yang terletak di mukim Benut. Usahanya kemudian dilanjutkan oleh kelompok lain yang datang tidak lama kemudian dari La Pa'boli, Pariah (Wajo') di bawah pimpinan Pare' bin Daeng Mapadeng (iaitu saudara Hj. Tomi' yang menetap di Parit Jabar). Pada awal tahun 1920-an La Makkuasang telah berpindah ke Kuala Tungkal, Riau dan beliau meninggal dunia di sana.⁴⁶

Daeng Matebba' yang lahir di Sakke', Loa', Belawa (Wajo') sekitar tahun 1842, telah berhijrah ke Pontianak bersama anak-anaknya Daeng Mabbela dan Daeng Mallibok sekitar tahun 1895. Kira-kira pada tahun 1909, dari Pontianak, beliau belayar ke Sarawak. Kemudian beliau meneruskan penghijrahannya ke daerah lain melalui jalan laut di kawasan barat daya Johor, seperti Sungai Melayu, Kukup dan Peradin. Akhirnya beliau berjaya menyusuri Kuala Tampok yang lebih dikenal sebagai Kuala Benut. Di sepanjang perjalanan menyusuri Kuala Tampok itu beliau dapat melihat banyak pokok-pokok nibong tumbuh merimbun dengan keadaan yang bertompok-tompok.⁴⁷ Di tempat inilah bermulanya penerokaan tanah oleh Daeng Matteba' dengan pengikut-pengikutnya sehingga akhirnya menjadi sebuah penempatan.⁴⁸ Selain anak-anaknya juga datang bersama Daeng Matteba' adalah anak-anak kapalnya (pekerjaannya) yang seramai lebih kurang 50 orang. Mereka mengusahakan tanaman kelapa sebagai tanaman utama. Selain itu, mereka juga menanam padi di kawasan yang berair.⁴⁹. Oleh kerana Daeng Matebba' sudah tua maka yang betul-betul dianggap sebagai pembuka kampung adalah anaknya Daeng Mabbela, tetapi Daeng Mabbela enggan menggunakan namanya sebagai nama kampung yang dibukanya. Daeng Matebba' meninggal dunia di Tampok pada tahun 1932.

⁴⁵ Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal.17. Temubual dengan Tuan Haji Andi Mori bin Andi Parani di rumah beliau di Jalan Seri Bugis, Parit Makkuaseng, Benut, pada 30 Oktober 2008.

⁴⁶ Nama Parit Makkuaseng diambil sempena nama peneroka kawasan tersebut iaitu La Makkuaseng.

⁴⁷ Dari situlah bermulanya asal nama kampong Tampok tersebut. Alasan kedua yang menyebabkan tempat itu diberi nama Tampok juga berasal dari perkataan tompok, kerana dari kejauhan kelihatan tanahnya bertompok-tompok. Sehingga mereka semua setuju memberi tempat itu dengan nama Tampok. "Waris-Waris Daing Malibok bin Daing Mattebak", 2008, Pertubuhan Kebajikan Keluarga Daing Malibok bin Mattebak, Negeri Johor, t.pen.

⁴⁸ Ada juga pendapat lain yang mengatakan bahawa lebih kurang sepuluh tahun di Pontianak, Daeng Matteba' meneruskan penghijrahannya ke Tanah Melayu. Mula-mula mereka menetap di Sagunong, Gelang Patah, kemudian kira-kira pada tahun 1908 mereka berpindah membuka kampung di Tampok. Lihat Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal. 18.

⁴⁹ "Waris-Waris Daing Malibok bin Daing Mattebak", 2008, Pertubuhan Kebajikan Keluarga Daing Malibok bin Mattebak, Negeri Johor, t.t., t.p.

Setelah itu datang pula Haji Abdul Karim bin Daeng Macenning (nama Bugisnya Songkeng bin Ambo' Tuwo') bersama anaknya Daeng Matase' bin Hj Abdul Karim.⁵⁰ Mereka membuka Kampung Tampok Lapis di Benut dan mengusahakan kebun kelapa. Sementara menunggu hasil kelapa, mereka menanam labu, pisang, jagung, ubi dan lain-lain. Menurut cerita kesuburan tanah memberikan hasil yang begitu banyak sehingga dikatakan terdapat berlonggok-longgok labu.⁵¹ Selain itu datang pula Daeng Masiga, Daeng Pallawa dan Petta Arung Ciung yang membuka petempatan di mukim Benut sekarang. Manakala Wak Betak telah datang lebih awal iaitu sekitar tahun 1910 dan membuka petempatan yang dinamakan dengan namanya iaitu Parit Betak. Kemudian penerokaan kampung ini dilanjutkan oleh Wak Kurikang.⁵² Sementara itu pula Wak Jala dan Wak Kahatib Mahmud bin Makka membuka petempatan di mukim Ayer Baloi sekarang manakala Wak Kawi datang membuka petempatan di wilayah Rengit. Kesemua mereka datang dalam jangka masa yang hampir sama.

Selain orang Wajo' ada juga sedikit pendatang dari Bone, antara lain kelompok yang dipimpin oleh Daeng Pasidda'. Mereka membuka Kampung Parit Bugis yang terletak di Senggarang. Dari situ kemudian orang Bone pergi menetap ke Parit Balak.⁵³ Kecuali kelompok kecil orang Bone terdapat juga orang Bugis yang berasal dari daerah lain. Misalnya Wak Khatib Mahmud yang membuka Parit Wak Khatib dekat Ayer Baloi berasal dari Sidenreng.⁵⁴ Sementara orang Batu-Batu, Soppeng, membuka kampung di Simpang Kiri Sungai Karang; orang Makassar di Parit Ramunia dan orang Selayar di Parit Selangor, kedua-duanya terletak di Mukim Sungai Pinggan.

Menjelang tahun 1918 terdapat pula sekelompok Bugis dari Pariah, Wajo' di bawah pimpinan Hj. Talib bin Hj Palewa telah membuka petempatan di Parit Bugis, Sungai Punggur, Rengit. Kemudian mereka mengajak sanak saudaranya datang secara berkelompok pada tahun 1928 dan menempati sebuah kampung yang sudah dibuka oleh orang Melayu di Sungai Dulang. Dalam tahun 1921 dikatakan telah datang pula sekumpulan Bugis dari Sarammae, Pariah, Wajo' di bawah pimpinan Daeng Pagala bin Daeng Palango. Mereka membuka Kampung Bagan Laut, Rengit. Mula-mula Daeng Pagala telah menjelaki kemungkinan untuk menetap di Pontianak tetapi ketika sampai di Pontianak beliau mendengar khabar bahawa wilayah Benut lebih sesuai lagi untuk mencari keuntungan. Oleh kerana itu Daeng Pagala datang ke Benut untuk meninjau

⁵⁰ Daeng Matase' bin Hj Abdul Karim lahir di Pao-Pao, Wajo' pada tahun 1882 dan kedatangan mereka ke Tanah Melayu diperkirakan pada sekitar tahun 1908. Temubual dengan Tuan Haji Ambo' Mase bin Abdul Latief bin Abdul Karim di rumah beliau di Rengit, Batu Pahat, pada 31 Januari 2009.

⁵¹ Ketika Abdul Karim dan Daeng Matese' datang di kawasan itu sudah ada peneroka awal, iaitu orang Melayu. Keterangan ini diperoleh ketika bertemu dengan Ambo' Mase' bin Abdul Latief bin Abdul Karim, di rumahnya di Rengit, pada 31 Januari 2009. Ambo' Mase' bin Abdul Latief adalah guru pertama di Sekolah Sri Bugis pada tahun 1950-an. Beliau juga merupakan salah seorang yang aktif berusaha untuk mengajak anak-anak Bugis bersekolah pada masa itu.

⁵² Wak Betak telah menjadi ketua kampung pertama di Parit Betak. Keterangan ini diperoleh dari hasil temubual dengan Ibrahim bin Ismael bin Hj Kirana bin Bedu, cucu kepada Wak Kurikang (di sebelah ibunya) pada 30 Januari 2009 di rumahnya di Parit Betak.

⁵³ Keterangan ini diperoleh daripada Andik Nuraidah di rumahnya di Kampung Parit Balak, Koris, Senggarang, pada 17 Mac 2009.

⁵⁴ Selain Wak Khatib, orang Bugis lainnya yang membuka tanah di Ayer Baloi adalah Daeng Pawaho bin Daeng Pawewang. Ini terbukti daripada beberapa surat yang terdapat di Pejabat tanah Pontian pada tahun 1936. Surat bertarikh 10-8-1936 menyatakan bahawa seorang Bugis yang bernama Daeng Pawaho bin Daeng Pawewang telah memohon tanah untuk berkebun kepada kerajaan yang terkandung di dalam Lot 1780 seluas dua ekar 3 rod 23 pol di Parit Baran dalam mukim Ayer Baloi. Lihat Land Officer Pontian, *Title Over 3 Acres of Land at Sanglang Mukim Ayer Baloi, C.L.R. Kukup, No.1186, 1936*.

terlebih dahulu dan sesudah meyakini kesuburan tanah Benut, maka beliau pulang ke kampungnya untuk mengumpulkan saudara mara dan terus datang ke Benut bersama-sama mereka.

Orang-orang Bugis yang datang pada awal tahun 1920-an, sebahagian masih datang ke wilayah Kukup, khasnya di kawasan tanah gambut di sepanjang Sungai Pulai. Tetapi kemudian ramai di antara mereka berpindah ke Pulau Karimun dan ke Tanjung Batu (Pulau Kundur) untuk membuka kebun di sana, di samping itu ada juga yang berpindah ke wilayah Benut. Jadi, kebanyakan pendatang baru dari Sulawesi menetap di sepanjang pantai di utara Pontian, mulai dari Ayer Baloi sehingga ke Senggarang. Ada juga yang menetap di kampung-kampung yang sudah dibuka (sama ada dibuka oleh orang Melayu Riau atau orang Bugis) di sekitar Pekan Benut dan Ayer Baloi. Ada lagi yang pergi membuka kampung baru di kawasan Rengit dan Senggarang. Di antara kelompok-kelompok yang datang ke situ sekitar tahun 1920-an adalah kelompok dari Pattiro, Bone, yang datang membuka kebun di Parit Arcung, di mana kawasan tersebut telah dibuka sebelumnya oleh orang Wajo' iaitu oleh Petta Arung Ciung.⁵⁵ Petta Arung Ciung telah banyak membuka tanah dan sudah berjaya di sekitar Benut. Beliau kemudian menyewakan tanah-tanahnya kepada perantau Bugis dari kelompok orang Bone yang berpindah dari Peradin dan Sungai Karang. Kelompok orang Bugis ini kemudiannya bergabung bersama-sama orang-orang Bugis yang telah terlebih dahulu mendiami petempatan di Parit Arcung. Kemudian, sekelompok kecil orang Bone berpindah lagi dari Parit Arcung (Parit Arung Ciung) untuk meneroka kawasan kebun di Sungai Tongkang, Rengit.⁵⁶

Sehingga tahun 1930 tidak semua kawasan pantai antara Rengit dan selepas Senggarang diterokai. Justeru, terdapat juga segelintir peneroka yang datang dari kampung-kampung yang lebih awal dibuka telah datang ke kawasan sekitar Benut, Pontian untuk mencari tanah yang masih kosong.⁵⁷ Mereka kemudiannya telah berpindah secara tetap ke kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu antara tahun 1920-an sehingga tahun 1930-an dikatakan sebagai zaman kemakmuran yang membawa kedatangan pendatang baru ke suatu puncak. Kemakmuran itu dapat dilihat melalui perkembangan pesat kawasan tersebut dengan segala kemudahan di samping rancaknya pembangunan di pekan-pekan. Paling jelas ialah pembinaan masjid batu di Benut yang dibina pada tahun 1932 bagi menggantikan masjid kayu yang lama adalah melambangkan kejayaan sekelompok orang-orang Bugis yang berjaya. Antara yang menjadi pelopor utamanya ialah Hj. Ambo' Wella (dipanggil juga Ambo' Wellang dan oleh orang Melayu dikenal sebagai Ambo' Olah) seorang guru besar pondok yang telah mewakafkan tanahnya untuk dijadikan tapak masjid.⁵⁸ Selain beliau antara yang terlibat dalam pengasasaran masjid tersebut ialah pembantu utama Hj. Ambo' Wella' iaitu Hj Daeng Passare' dan anaknya

⁵⁵ Andi Meriam adalah salah seorang keturunan Petta Arung Ciung, Beliau mengatakan bahawa datuknya telah membuka Parit Arcung pada awal abad ke-20. Temubual dengan Andi Meriam binti Andi Nurung di Rengit, Batu Pahat pada 1 Februari 2009.

⁵⁶ Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal.18.

⁵⁷ Hal ini terbukti dari surat Daeng Pegalah bertarikh 26 Februari 1938 yang telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan beberapa ekar tanah di di Parit Petri Menangis Laut dan Mukim Ayer Baloi Pontian Kecil. Lihat C.L.R. Pontian, No.707, 1938 "Application for 5 Acres person of state land at Parit Petrie Menangis, Mukim Ayer Baloi", ANCS. Daeng Pegalah telah memohon tanah tersebut bersama enam belas orang Bugis lainnya dan setiap orang telah meminta lima ekar, sehingga keseluruhannya berjumlah 80 ekar. Sehubungan dengan itu, maka kebanyakan tanah-tanah yang ada di Ayer Baloi adalah kepunyaan orang-orang Bugis (mereka adalah Daing Pegalah, Muding, La Tonak, La Paddupai, Daud, Embok Daik, Embok Achok, Embok Tiroh, Embok Rateh, La Kasing, La Bakarang, La Malak, La Pananchok, Edris bin Abdullah, H. Nawi dan Neerah).

⁵⁸ Kononnya rekabentuknya mencontohi masjid yang pernah dilihat oleh beliau dalam lawatannya ke Asia Barat, Turki dan Maghribi. Temubual dengan Encik Abdul Hadi bin Ambok Ingtang di Serkat pada 29 Januari 2009.

(kemudian turut menjadi muridnya) iaitu Hj. Makke bin Hj. Ambo' Wella. Nama-nama lain adalah seperti Hj. Abdul Kadir, Hj. Ambo' Sengngeng atau Ma Sengngeng dan Hadade' dari Parit Abdul Rahman. Hj. Abdul Karim Daeng Macenning dari Parit Hasan dan Hj. Daeng Mabbela dari Tampok, dan lain-lain.⁵⁹

Kejayaan orang Bugis yang dapat dilihat pada masa itu antaranya ialah pembinaan rumah yang dibuat daripada batu oleh beberapa orang Bugis yang kaya. Rumah batu yang pertama didirikan di Parit Abdul Rahman adalah rumah Daeng Hadade' yang dibina pada tahun 1925. Kedua; adalah rumah batu yang didirikan oleh Hj Abdul Kadir di Parit Abdul Rahman juga manakala rumah yang ketiga dibina oleh Daeng Patampo yang terletak di Kampung Sungai Besar. Antara tahun 1926-1928, jalan perhubungan dari Pontian ke Batu Pahat telah juga dibina. Di kawasan Simpang Empat, Benut, iaitu lokasi masjid baru tersebut adalah merupakan suatu kawasan yang ramai didiami oleh orang Bugis, antara lain iaitu Hj. Ambo' Sengngeng yang kemudian juga mendirikan rumah-rumah kedai yang dibina dari batu.⁶⁰

Petempatan Orang Bugis di Johor

Berdasarkan bancian penduduk pada tahun 1911, tercatat sebanyak 5033 orang Bugis di negeri Johor. Kemudian bancian yang dilakukan pada tahun 1921 pula memperlihatkan peningkatan penduduk iaitu sebanyak 7026 orang.⁶¹ Bancian penduduk pada tahun 1931 juga memperlihatkan peningkatan jumlah orang Bugis di Johor iaitu sebanyak 8983 orang. Namun dalam bancian tahun 1947 memperlihatkan jumlah yang menurun iaitu sebanyak 6068 orang. Mereka ini tersebar di beberapa buah mukim di negeri Johor. Antaranya adalah di Kampung Jeram Batu, Batu 26, Sungai Burong Estate, Sungai Burong, Sungai Moleh dan Sungai Tempayan dalam Mukim Jeram Batu. Di Mukim Sungai Karang terdapat Kampung Sungai Karang, Bulu Kasap, Sungai Punai, Simpang Kiri, Belakok, Peradin, Senai, Sungai Boh, Simpang Kiri, Permas Ulu dan Permas Sungai Karang.

Selain itu, Kampung Sungai Cengkeh, Sungai Dinar, Sungai Sam, Chokoh dan Sungai Kuali termasuk dalam Mukim Serkat. Manakala Kampung Batu 6 Penerok, Kampung Bugis dan Parit Kongsi terangkum dalam Mukim Ayer Masin. Kampung Parit Baran, Parit Wak Jabir, Parit Wak Jala, Sanglang Laut, Parit Puteri Menangis, Parit Puteri Menangis Laut, Parit Panggong, Parit Daeng Parandang, Parit Jeletung, Parit Keroma, Parit Haji Mahmud dan Parit Haji Manap terletak dalam Mukim Ayer Baloi. Seterusnya, Kampung Nelayan, Parit Sayang, Parit Lapis Sayang, Parit Bacok dan Parit Ramunia pula dalam Mukim Sungai Pinggan. Selanjutnya, Kampung Parit Makkuaseng, Parit Daeng Masiga, Kampung Baru, Parit Daeng Palawa, Parit Lapis Makkuaseng, Parit Wak Jabir Laut, Parit Betak Laut, Parit Tampok Laut, Pekan Tampok, Parit Lapis Tampok, Parit Abdul Rahman, Sungai Besar Darat, Sungai Besar Laut, Parit Satu, Parit Mohd Arif, Parit Hasan, Parit Setan (Parit Rahmat), Parit Karimun dan Parit Arcung terletak dalam Mukim Benut.

⁵⁹ Keterangan ini diperolehi ketika sesi temubual dengan Ambo' Mase' bin Abdul Latief bin Abdul Karim di rumahnya di Benut pada 31 Januari 2009. Hj. Abdul Karim Daeng Macenning dari Parit Hasan adalah datuk kepada Ambo' Mase'.

⁶⁰ Christian Pelras, "Penghijrahan dan Penyesuaian...", hal. 20.

⁶¹ J.E. Nathan, *The census of British Malaya 1921: The Straits Settlements, Federated of Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu and Brunei*, London, Waterloo & Sons, 1922.

Dalam masa yang sama, orang-orang Bugis ini juga mendiami Kampung Kluang Laut, kawasan Kluang Tengah, Sungai Bagan Laut, Sungai Meriong Laut, Parit Wak Kawik dan kawasan Bagan Laut yang berada dalam Mukim Sungai Kluang. Kampung Parit Pematang, Parit Bugis, Sungai Lurus dan Parit Bugis Dalam, dalam Mukim Minyak Beku. Lokasi petempatan Bugis ini juga termasuklah Kampung Parit Bakar, Sungai Pulai, Parit Pecah dan Tangkak di daerah Muar. Selain itu kawasan Sungai Dulang, kawasan Sungai Tongkang dan kawasan Perpat Laut didiami juga oleh orang-orang Bugis yang terletak dalam Mukim Sungai Punggur. Akhir sekali, mereka juga mendiami Kampung Lepau dalam Mukim Penggerang; Kampung Pekajang di Gelang Patah dan di sekitar Pekan Nenas. Kini, terdapat ramai orang Bugis yang turut mengambil peluang dalam aktiviti ekonomi dengan menjadi peneroka di rancangan tanah kerajaan Persekutuan seperti Felda, Felcra dan sebagainya.

Kesimpulan

Kedatangan peneroka-peneroka Bugis ke Johor semakin meningkat menjelang akhir kurun ke-19 disebabkan peranan penting yang dimainkan oleh nakhoda-nakhoda dan pedagang-pedagang Bugis yang menetap di Singapura dan di Kepulauan Riau. Sebagai pedagang hasil hutan dan hasil tanaman pasaran, mereka memang lebih mengetahui hasil-hasil yang memberikan laba yang banyak lagi menguntungkan. Mereka juga mengetahui tempat-tempat yang paling sesuai untuk aktiviti ekonomi pertanian. Sehubungan dengan itu mereka memaklumkan peluang-peluang itu kepada sanak saudara mereka. Sehingga ada di antara mereka yang meneruskan usaha pertanian padi merantau sehingga ke pantai Sumatera, seperti Kuala Kampar dan Jambi, manakala mereka yang suka berdagang akan merantau ke Singapura; bagi mereka yang berminat untuk mengusahakan aktiviti pertanian akan merantau ke Pontianak atau ke Tanah Melayu.

Pada tahap berikutnya kebanyakan mereka yang lebih berjaya khususnya mereka yang menetap di kawasan Kukup, Benut dan Rengit turut memainkan peranan penting dalam menarik kemasukan perantau Bugis untuk merantau ke Tanah Melayu. Untuk itu, para pekebun yang sudah berjaya akan memanggil sebanyak mungkin sanak saudara mereka untuk datang meneroka tanah di Tanah Melayu. Keadaan ini dapat dilihat misalnya sejak kawasan Kukup diteroka pada tahun 1870an, semakin banyak orang Bugis tertarik untuk datang ke Tanah Melayu ekoran tersebarnya berita tentang kesuburan kawasan pertanian di Tanah Melayu.⁶²

Hasilnya, kedatangan perantau-perantau Bugis ke Johor telah banyak menjayakan pembangunan negeri Johor. Peranan mereka sebagai peneroka hutan dan pembina petempatan luar bandar adalah antara aspek terpenting yang membentuk persejarahan negeri Johor. Kebanyakan kampung yang mereka terokai biasanya dinamakan sempena nama peneroka itu sendiri. Misalnya Parit Wak Jabir, Parit Daeng Masiga, Parit Arcung, Parit Makkuaseng, Parit Betak dan lain-lain. Kebanyakan parit yang wujud pada waktu kini telah mulai digali sebelum

⁶² Saadiah Said, 1979, "Kegiatan Keluarga Alsaqoff dalam Ekonomi Negeri Johor (1878-1906)", *Jebat*: 47-48.

perang dunia pertama lagi. Namun, kerja-kerja penggalian parit dan membaik pulih terus berjalan sehingga kini.

Kedatangan orang Bugis ke Tanah Melayu, khasnya ke Johor, berbeza dengan kedatangan orang Jawa. Boleh dikatakan tidak ramai orang Bugis yang menjadi kuli atau buruh kontrak. Meskipun ada juga orang Bugis yang langsung tidak memiliki modal dan ada yang berhijrah untuk tempoh yang singkat dan tidak berkemampuan membeli tanah, mereka ini datang bersama dalam satu jaringan yang besar dan kukuh. Biasanya mereka mencari upah dengan mengerjakan tanah orang lain dan mengagihkan hasilnya dengan pemilik tanah. Kebanyakan petempatan orang Bugis di negeri Johor adalah tertumpu di sekitar daerah Pontian. Namun terdapat juga permukiman orang Bugis di mukim-mukim selain daerah Pontian misalnya di Kampung Lepau dalam mukim Pengerang di mana seratus peratus penduduknya adalah orang Bugis. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji UKM mendapati pemetaan masyarakat Bugis yang datang ke Johor, sebahagian besarnya berasal dari Kabupaten Wajo' diikuti oleh orang Bugis dari Kabupaten Bone, Soppeng dan Sidenreng.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak, Sri Pertama Zaman Prasejarah hingga Zaman Kedatangan Pengaruh Orang Luar*. Kuala Lumpur.
- Abdul Malik Munip. 1984. *Bandar Maharani dan Daerah Muar, 1884-1920*. Kuala Lumpur.
- Abdul Razak Daeng Patunru, d.k.k. 1993. *Sejarah Bone*. Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan
- Abdul Razak Daeng Patunru, d.k.k.. 1993. *Sejarah Gowa*. Ujung Pandang: Yayasan Sulawesi Selatan dan Tenggara.
- Andaya, L. Y. 1975. *The Kingdom of Johor (1641-1728): Economic and political developments*.
- Andaya, L.Y 1981. *The heritage of Arung Palakka: A history of South Sulawesi (Celebes) in the*
- Andaya, L.Y. 2004. *Warisan Aung Palaka*, Ininnawa, Makassar.
- Andi Zainal Abidin. 1999. *Capita Selecta: Kebudayaan Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang: Hasanuddin University Press.
- Andi Ima Kesuma. 2004. *Migrasi dan Orang Bugis*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Andi Muhammad Ali. 1986. *Bone Selayang Pandang*. Watampone: Depdikbud.
- Brooke, J. 1848. *A narrative of events in Borneo and Celebes down to the occupation of Labuan*.
- C.L.R. No.1186.1936. “Title Over 3 Acres of Land at Sanglang Mukim Ayer Baloi”, Land Officer Pontian. Kukup.
- C.L.R.Pontian. No 137 1939. “Application for Rebate of rent on land held under grant no.17187.
- C.L.R.Pontian. No.707. 1938. “Application for 5 Acres person af State land at Parit Petrie Menangis, Mukim Ayer Baloi”, ANCS. dlm R. Mundy (ed.). London: J. Murray.
- Halimah Hj Omar. 1980. “Orang-Orang Bugis di Pontian: Kajian dari Segi Kegiatan di dalam bidang politik, sosial dan ekonomi antara tahun 1900-1967”, B.A. Hons. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamid Abdullah. 1984. “Perubahan Sosial di Kalangan Masyarakat Keturunan Bugis di Linggi dan kesannya ke atas Masalah kepemimpinan”. Tesis Ph.D. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Khoo Kay Kim. 1977. “Satu Pandangan Menyeluruh: Johor di antara dua Perang Dunia”. *Sarina*. Kuala Lumpur.

Land Office Pontian . Nos. 2558-2559/37, 2565/37, 2535/37, 2578-2584/37

Land Office Pontian 153/41. "Application for subdivision of land held under E.M.R. 1271 Lot 559 and 560 Respectively Mukim of Serkat", ANCS.

Land Office Pontian 2557/37. "Adjustment of Fess on lot 1225 of land held under s.s 170/25

Land Office Pontian 9/41. "Application for subdivision of land comprised under E.M.R.102 Mukim of Pontian", ANCS.

Maeda Nariifumi. 1989. "The Bugis in Johor". *CSEAS*. Kyoto.

Mattulada. 1975. *Latoa: Satu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Gadjah Mada Universiti Press.

Mattulada. 1978. "The Spread of the Buginese in Southeast Asia". *National Seminar on Southeast Asia*. Yogyakarta. May.3-4.

Mochtar Naim. 1972. "Merantau dan Pengaruhnya terhadap Pembangunan Daerah", *Prisma*, No. 4 Juni, Jakarta: LP3ES. Mukim Serkat", ANCS. Mukim Serkat". Land Office Pontian, ANCS.

Nathan, J. E. 1922. *The census of British Malaya 1921: The Straits Settlements, Federated of Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu and Brunei*. London: Waterloo & Sons.

Noorduyn, J. 1988. "The Bugis Genealogy of the Raja Muda family of Riau-Johor". *JMBRAS*. 61 (2): 63-92

Norliah Mohd. Salleh. 1977. "Riwayat Hidup Penghulu Taib", *Karangan Sejarah*. Johor: Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Johor

Pelras, C. "Orang-Orang Bugis ternama dan berpengaruh". t.t., t.p,

Pelras, C. 1991. "Penghijrahan dan Penyesuaian Orang-Orang Bugis di Johor: Suatu Proses Perubahan Budaya". t.pen.

Pires, Tome. 1944. *The Suma Oriental*. Translated and edited by Armando Cartessao. London

Saadiah Said. 1979. "Kegiatan Keluarga Alsaqoff dalam Ekonomi Negeri Johor (1878-1906)". *Jebat: 47-48.seventeenth century*. The Hague: M. Nijhoff.

Shellabear, W.G. 1975. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur. Cet. ke-19. Sulawesi Selatan dan Tenggara.

Suraya Sintang. 2007. *Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.

Vlekke, Bernard H.M. 1967. *Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

“Waris-Waris Daing Malibok bin Daing Mattebak”. 2008. Pertubuhan Kebajikan Keluarga Daing Malibok bin Mattebak, Negeri Johor, t. pen.

Informan:

Abdul Hadi bin Ambok Ingtang
Tempat: Serkat, Kukup, Pontian, Johor.

Abdul Rahim bin Sanusi Daeng Changi
Tempat: Kampung Lepau, Pengerang, Johor.

Andik Nuraidah binti Hj Yakkob
Tempat: Parit Balak, Koris, Senggarang, Batu Pahat, Johor.

Ambo’ Mase’ bin Abdul Latief bin Abdul Karim
Tempat: Rengit, Batu Pahat, Johor.

Andi Badri bin Hj Daeng Malugi
Tempat: Parit Hasan, Benut, Pontian, Johor.

Asma binti Liduk
Tempat: Kampung Pekajang, Gelang Patah, Johor.

Andi Meriam binti Andi Nurung
Tempat: Rengit, Batu Pahat, Johor.

Beccik Aripah bt. M. Salih
Tempat: Batu Pahat, Johor.

Haji Andi Mori bin Andi Parani
Tempat: Parit Makkuaseng, Benut, Johor.

Hajjah Indok Chichuk binti Daeng Hadade’
Tempat: Kampung Sungai Kuali, Kukup, Pontian, Johor.

Hj. Andi Mori bin Andi Perinding
Tempat: Parit Makkuaseng, Benut, Johor

Hj. Mohd.Taha bin Becek Libu Daeng Pasare’
Tempat: L46 Kampung Lepau, Pengerang, Johor.

Hajjah Hendon bt Ambok Selemak
Tempat: Parit Wak Jabir, Benut, Johor.

Ibrahim bin Ismael bin Hj Kirana bin Bedu
Tempat: Parit Betak, Benut, Johor.

Tuan Haji Ahmad Daming
Tempat: Rengit, Batu Pahat, Johor.

Tuan Haji Ramli Bin Ja'afar bin Daeng Maluru'
Tempat: Kampung Lepau, Pengerang, Johor.

Zainal Abidin bin Mohd. Zapin
Tempat: Pekajang, Gelang Patah, Johor.